

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 JUNE 2016

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

Najib beri sumbangan khas Ramadan

BH - 5/6/2016

➔ PM luangkan masa teruskan tradisi sebagai Ahli Parlimen Pekan

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

► Pekan

Jadual padat Datuk Seri Najib Razak tidak menghalangnya untuk meluangkan masa meneruskan tradisi sebagai wakil rakyat bagi menyampaikan sumbangan khas Ramadan kepada masjid dan surau di Parlimen Pekan di sini, semalam.

Terdahulu pada paginya, Perdana Menteri menghadiri upacara khas sempena sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di

Istana Negara, Kuala Lumpur sebelum bergegas ke majlis penyampaian sumbangan di Masjid Pulau Serai.

Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan sempat menunaikan solat Asar bersama rakyat daerah itu dan bermesra dengan mereka seperti sering dilakukannya setiap kali balik ke kawasan diwakilinya itu.

Pada majlis itu, Najib yang juga Ketua UMNO Bahagian Pekan menyampaikan sumbangan wang tunai RM1,200 kepada 60 masjid dan RM800 kepada 166 surau di Parlimen Pekan selain daripada beberapa barangan antaranya kurma.

Ketika berucap pada majlis ber-



Najib menyampaikan sumbangan kurma kepada Pengerusi Masjid Kampung Pulau Serai, Ishak Idris (kanan) pada majlis penyerahan sumbangan Ramadan di Parlimen Pekan, semalam.

kenaan, Najib berkata, beliau gembira kerana dapat hadir dan menyampaikan sumbangan kepada masjid dan surau untuk meneruskan tradisi sempena Ramadan yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Tak lari daripada tradisi

"Syukur saya dapat bersama warga Pekan hari ini (semalam), saya tidak mahu lari daripada tradisi dan tanggungjawab saya untuk memberi sumbangan melalui tangan saya sendiri," katanya yang menjadi wakil rakyat di kawasan itu sejak 40 tahun lalu.

Fakta
nombor

166 SURAU

terima RM800
dan kurma

Yang turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, Datuk Seri Ishak Muhammad; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu; Datuk Seri Sh Mohmed Sh Ali dan Naib Ketua UMNO Bahagian Pekan, Datuk Seri Zamri Ramly.

Dalam pada itu, Najib yang juga Presiden UMNO meminta rakyat membuat perhitungan terbaik dalam memilih kepimpinan negara bagi meneruskan kemakmuran dinikmati dan mengelakkan daripada terancam serta tertekan seperti dialami masyarakat di beberapa negara Islam.